

24/12/1997

Pengguna dakwa barang mahal

IPOH, Selasa - Pengguna mengeluh berikutan harga barangan keperluan, terutama makanan terus naik sejak beberapa bulan lalu, menyebabkan mereka terpaksa berfikir dua kali sebelum membeli barangan berkenaan.

Tinjauan Berita Harian di beberapa kedai runcit di sekitar bandar raya ini, mendapati ada di antara peniaga yang tidak meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual.

Malah ada yang meletakkan tanda harga terlindung atau tertimbus oleh barangan bagi menyukarkan pengguna melihatnya.

Tindakan itu dipercayai bertujuan mengelakkan pengguna mengetahui harga barang berikutan kenaikan beberapa kali sejak tiga bulan lalu.

Seorang pengguna, Mohd Rashidi Ariffin, 46, berkata beliau kini mengurangkan pembelian barangan keperluan dapur kerana tidak mampu membeli dengan kuantiti sebelum ini disebabkan harganya lebih mahal.

Menurutnya, antara barangan makanan keperluan yang naik, termasuk bawang besar daripada RM1.30 sekilogram kepada RM3.30 sekilo, bawang merah RM2.80 sekilo (RM4.30 sekilo), ikan bilis antara RM10 dan RM13 sekilo (RM13 dan RM17 sekilo), manakala cili kering daripada RM14 sekilo kepada RM18 sekilo.

"Selain barangan dapur itu, harga sayur-sayuran dan ikan turut naik dengan banyak, sedangkan ia dikeluarkan petani dalam negara.

"Sehubungan itu, saya menyambut baik cadangan kerajaan menambah senarai barangan kawalan yang menjadi keperluan pengguna bagi mengelakkan orang ramai terlalu terbeban dengan masalah ekonomi sekarang," katanya.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dilaporkan berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan kementerian mengkaji untuk menambah senarai barangan yang dikawal harganya.

Setakat ini, kerajaan menyenaraikan 20 jenis barangan, termasuk tepung, gula dan susu pekat manis bagi mengelakkan ia dinaikkan sesuka hati.

Mohd Rashidi berkata, kenaikan harga barangan itu semakin dirasai mereka yang mempunyai keluarga besar kerana mereka sukar mengurangkan pembelian barangan keperluan.

Sementara itu, seorang pengguna dari Kuala Kangsar, Rodiah Mat Saman, 34, berkata masih ada peniaga di daerah itu menjual ayam bersih dengan harga RM5.40 sekilo, berbanding RM4.90 seperti yang ditetapkan kerajaan.

(END)